

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**Y.BHG. BRIG. JENERAL PROFESOR DATUK SERI PANGLIMA DR.**  
**KAMARUZAMAN HJ. AMPON**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROJEK LESTARI PENDIDIKAN**  
**KOMUNITI LUAR BANDAR**  
**SK BUAYAN**  
**DI SMK LIMBANAK PADA 06 NOVEMBER 2010**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Asalamualaikum Warahmahtulahi Wabarakatuh.

Terima kasih Saudara/i Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi,  
Merangkap Ahli Parlimen P174, Penampang Sabah,.

Yang Berbahagia Datuk Philip Benedict Lasimbang  
Setiausaha Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi,

Yang Berbahagia Datuk Dr. Hj. Muhiddin Yussin  
Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah,

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Mohd. Yusof Abdullah  
Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS)  
Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan Universiti Malaysia Sabah

Yang Berusaha Puan Rafidah binti Haji Karaman

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Limbanak ,

Yang Berusaha Encik Robert Gubat Guru Besar SK Buayan

Ketua- Ketua Jabatan, Pengetua-Pengetua, Guru Besar - Guru Besar Daerah  
Penampang

Ahli-Ahli Jawatankuasa bersama Perasmian Projek Lestari Pendidikan Komuniti  
Luar Bandar SK Buayan,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T  
kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita diberi kesempatan untuk bersama-  
sama pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Projek Pendidikan  
Komuniti Luar Bandar Sekolah Kebangsaan Buayan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran  
Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi, Merangkap Ahli Parlimen P.174 Penampang kerana  
sudi meluangkan masa bersama-sama kita sekaligus akan menyempurnakan  
perasmian Projek Lestari Pendidikan Komuniti pada hari ini. Sebagai makluman  
para hadirin sekalian, dana untuk tujuan pelaksanaan Projek Lestari Pendidikan  
Komuniti Luar Bandar SK Buayan ini merupakan sumbangan daripada Yang  
Berhormat Tan Sri. Terima kasih sekali lagi diucapkan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang  
Berbahagia Datuk Dr. Hj. Muhiddin Yussin, Pengarah Pelajaran Negeri Sabah  
atas keprihatinan dan sokongan padu yang diberikan bagi merealisasikan majlis  
yang bakal mengukir suatu lagi sejarah perkembangan pendidikan di Negeri  
Sabah khususnya di Daerah Penampang. Saya percaya dengan pelaksanaan

projek yang bermafaat ini, ia sekaligus akan memberi suntikan semangat dan dorongan kepada masyarakat luar bandar untuk terus maju ke hadapan dalam mencapai kecemerlangan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada Puan Rafidah Binti Haji Karaman, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Limbanak kerana sudi menjadi tuan rumah sempena majlis ini. Kami merasa sangat terhutang budi dengan keterbukaan pihak puan untuk menerima kami dan sebagai balasannya kami pasti akan kembali lagi ke sini untuk mengadakan program-program bersama pelajar sekolah ini pula kelak. InsyAllah.

Yang Berhormat Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah bertanggungjawab melaksanakan pelbagai projek penyelidikan samada melalui geran Universiti, geran Kementerian disamping dana-dana secara usahasama dengan universiti tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) atau Institusi-Institusi Kewangan. Usahasama ini juga menandakan penglibatan semua pihak berkepentingan (stakeholders) selaras dengan gagasan **1MALAYSIA “RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**.

Sebagai makluman Yang Berhormat Tan Sri dan para hadirin, tahun 2005 hingga tahun 2014 merupakan dekad bagi Pendidikan Untuk Pembangunan Lestari (Education for Sustainable Development) seperti yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO). Melalui **pendidikan, kesedaran dan latihan**, maka kesepaduan pengetahuan dan kemahiran, nilai dan sikap, kompetensi, dan latihan mampu melahirkan individu yang boleh menyumbang ke arah pelestarian keadilan sosial, pelestarian ekonomi yang mapan, dan pelestarian ekologi. Pembangunan lestari ini juga

merupakan sebahagian daripada Pelan Pembangunan Pendidikan (PIPP 2001-2010).

Sehubungan itu, saya amat berharap agar segala yang disumbangkan daripada Projek Lestari Pendidikan Komuniti Luar Bandar SK Buayan ini mampu dijadikan satu platform antara hak komuniti dengan sekolah, walaupun mungkin terdapat kekurangan atau kelemahan yang tidak disengajakan daripada pihak penganjur.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok atas kesudian bersama-sama kita pada hari ini sekaligus menjadi penaung Projek Lestari Pendidikan Komuniti Luar Bandar SK Buayan. Syabas dan tahniah juga kepada seluruh Ahli Jawatankuasa dan semua pihak yang bertungkus lumus merancang, menyusun serta mengatur aturcara untuk majlis kita pada hari ini. Saya yakin dan percaya segala usaha dan kerjasama erat yang ditunjukkan ini akan memberi impak besar terhadap perkembangan pendidikan luar bandar di negeri Sabah

Sekian, Terima Kasih.